

KEMPEN DALAM TALIAN 3-DALAM-1 JUNIOR ACCOUNT-i

Dikemaskini pada 30 September 2021

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Dalam Talian 3-dalam-1 Junior Account-i” (“**Kempen**”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (kemudian daripada ini disebut “**Bank**”) bermula pada 01 October 2021 dan berakhir pada 30 November 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen (“**T&Cs**”) adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada seluruh Pemegang Akaun Utama Baharu Warga Malaysia (“**Pelanggan**”) bagi Akaun Sertaan berikut (“**Akaun Sertaan**”):
 - (a) Hong Leong 3-in-1 Junior Account-i.
2. Bagi mengelakkan keraguan:
 - (a) Oleh sebab Akaun Sertaan adalah akaun amanah, “**Pemegang Akaun Utama**” bermaksud pemegang amanah yang merupakan benefisiari (yakni, remaja) ibu bapa atau penjaga yang dilantik secara sah di sisi undang-undang; dan
 - (b) “**Pemegang Akaun Utama Baharu**” bermaksud pelanggan individu yang tidak mempunyai sebarang Akaun Sertaan dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan membuka sebarang Akaun Sertaan semasa Tempoh Kempen.
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh Hong Leong Bank (HLB) atau HLISB atau telah diisyiharkan bankrap (menurut petisyen oleh Bank atau mana-mana institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga atau bakal dikenakan prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen) **TIDAK** layak menyertai Kempen.

KAEDAH KEMPEN

4. Kempen ini terbuka kepada Pelanggan yang telah memohon Akaun Sertaan dalam talian melalui HLB Connect Online Banking (<https://s.hongleongconnect.my>) (“**HLB Connect**”) semasa Tempoh Kempen.
5. Untuk menyertai Kempen ini dan layak menerima Ganjaran Daftar berkenaan, Pelanggan **MESTILAH** memenuhi Kriteria Kelayakan seperti tertera dalam Jadual 1 di bawah semasa Tempoh Kempen (“**Pelanggan Layak**”):

Jadual 1

Kriteria Kelayakan	Bil. Pemenang	Ganjaran Daftar	Had***
<ul style="list-style-type: none"> • Membuka Akaun Sertaan baharu melalui HLB Connect * 		<ul style="list-style-type: none"> • Pulangan Tunai RM15 	<ul style="list-style-type: none"> • RM22,500
<ul style="list-style-type: none"> • Mendaftar dan log masuk Aplikasi HLB Pocket Connect ("Pocket App")** 	1,500	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk 500 pertama:Pulangan Tunai RM35 • 1000 dan seterusnya:Pulangan Tunai RM15 	<ul style="list-style-type: none"> • RM17,500 • RM15,000

* Hanya boleh terdapat satu (1) Akaun Sertaan bagi benefisiari dan benefisiari tidak boleh memegang apa-apa Akaun Sertaan sebelum Tempoh Kempen.

**Benefisiari Akaun Sertaan mestilah berumur tujuh (7) tahun dan bawah lapan belas (18) tahun, serta memiliki MyKid atau MyKad yang sah, sebagai syarat untuk mendaftar bagi Pocket App.

*** Had adalah kombinasi untuk keseluruhan Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i

6. Akaun Sertaan-i mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200)** pada 31 Disember 2021 sebagai syarat pemenuhan Ganjaran Daftar. Sekiranya Akaun Sertaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun atau baki penutup harian kurang daripada Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) pada 31 Disember 2021, maka Pelanggan Layak akan terlucut kelayakan menerima Ganjaran Daftar.
7. Jumlah pulangan tunai bagi Ganjaran Daftar yang diperuntukkan oleh HLB/HLIBSB di bawah Kempen ini dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM55,000)** sahaja sepanjang Tempoh Kempen, atas dasar siapa cepat dia dapat. Walau bagaimanapun, Ganjaran Daftar tidak lagi akan diberi sebaik sahaja had itu telah dicapai.
8. Ganjaran Daftar dihadkan setakat **dua ribu (2,000)** pertama Pelanggan Layak, terhad kepada **satu (1)** kali Ganjaran Daftar bagi setiap Pelanggan Layak tanpa mengira berapa banyak Akaun Sertaan-i dibuka sepanjang Tempoh Kempen, iaitu Ganjaran Daftar dihadkan setakat satu (1) kali sahaja bagi setiap Akaun Sertaan-i.
9. Ganjaran Daftar akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan tidak lewat daripada Sembilan puluh(90) hari dari tempoh kempen. Ganjaran Daftar yang dikreditkan ini akan ditunjukkan dalam e-penyata bulanan Akaun Sertaan dan Pelanggan Layak juga akan diberitahu melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") setelah Ganjaran Daftar itu dikreditkan.
10. Jika Pelanggan tidak menerima apa-apa pemberitahuan daripada Bank, maka Pelanggan Layak itu dianggap TIDAK layak atau berhak menerima Ganjaran Daftar.
11. Sekiranya Ganjaran Daftar tidak diterima selepas Pelanggan Layak diberitahu oleh Bank selaras dengan Fasal 9 di atas, maka Pelanggan Layak bertanggungjawab memberitahu Bank melalui surat tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh SMS diterima, jika gagal berbuat demikian maka Pelanggan Layak itu dianggap telah menerima Ganjaran Daftar dan Bank tidak akan melayani sebarang dakwaan mengatakan Pelanggan Layak tidak menerima Ganjaran Daftar selepas luputnya masa tiga puluh (30) hari tersebut.

12. Pelanggan Layak berkewajipan memberi maklumat perhubungan mereka yang terkini dan tepat (iaitu telefon bimbit dan/atau telefon biasa) kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Pelanggan Layak gagal dihubungi atas apa jua sebab sekalipun.

UMUM

13. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:

- (a) telah membaca, memahami, menerima dan akan mematuhi T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan lain-lain Terma & Syarat tertentu bagi Akaun Sertaan, JDC-i dan Pocket App;
- (b) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan;
- (c) Ganjaran Daftar tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barang;
- (d) mengakses Laman Web Bank (www.hlisb.com.my) dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen dan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau ;pindaan kepada T&Cs;
- (e) memberi butiran perhubungan mereka yang terkini dan tepat iaitu nombor telefon bimbit atau telefon biasa kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab jika Bank gagal menghubungi Pelanggan untuk tujuan Kempen ini, lantaran nombor telefon bimbit yang tidak tepat/tidak sah diberikan oleh Pelanggan atau SMS tidak sampai atas apa jua sebab sekalipun;
- (f) dipertanggungjawabkan dan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang boleh dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen; dan
- (g) memberi keizinan dan membenarkan Bank mendedahkan data peribadi mereka kepada Infobip(201001014145 (898379-U)), untuk tujuan Kempen ini.

14. Bank berhak:

- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&Cs terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank setelah memberi notis awal, atau dengan apa-apa cara lain yang Bank anggap sesuai; dan
- (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan kerana tidak mematuhi T&Cs di dalam ini daripada menyertai Kempen ini.
- (c) untuk mendapatkan kembali dana sekiranya terdapat penipuan, pelanggaran terhadap Syarat atau akaun Campaign atau akaun yang tidak aktif.

15. T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan lain-lain Terma & Syarat tertentu bagi Akaun Sertaan dan JDC-i hendaklah dibaca sebagai suatu Perjanjian keseluruhan.

16. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan lain-lain Terma & Syarat tertentu bagi Akaun Sertaan dan JDC-i, maka T&Cs di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tertsebut.

17. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

18. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Hong Leong 3-in-1 Junior Account-i adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah iaitu Tawarruq.

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.